



**MOHD. NOH DALIMIN**

## **Sultan Johor rasmi Majlis Konvokesyen UTHM, 8 Julai ini**

BATU PAHAT 5 Julai – Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan merasmikan majlis Konvokesyen Ke-9 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 8 Julai ini.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, seramai 243 graduan akan menerima ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah pada majlis konvokesyen yang diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, UTHM.

“Majlis konvokesyen kali ini mencatatkan sejarah tersendiri apabila buat pertama kalinya akan disempurnakan oleh Sultan Ibrahim, Canselor UTHM.

“Baginda berkenan untuk berangkat menghadiri sidang pertama majlis konvokesyen dan seterusnya menganugerahkan ijazah-ijazah kepada graduan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis UTHM Bersama Media di perpustakaan universiti itu di sini baru-baru ini.

Konvokesyen UTHM sebelum ini turut dirasmikan oleh Sultan Ibrahim namun ketika itu baginda merupakan Tengku Mahkota Johor.

Menurut Mohd. Noh, konvokesyen kali ini juga bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kehormat doktor falsafah (Pendidikan Teknikal) kepada bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, penganugerahan itu merupakan satu pengiktirafan pihak universiti kepada Abdullah atas peranan dan jasa beliau dalam menjayakan agenda pendidikan teknikal di negara ini.

“Sebagai sebuah universiti yang memberi penekanan kepada pengajian teknikal dan kejuruteraan, UTHM menganggap penganugerahan kepada Abdullah bertepatan memandangkan peranan dan sumbangan signifikan yang dilakukannya.

“Antaranya, pembangunan sekolah-sekolah teknik dan kolej komuniti serta penukaran nama empat buah kolej universiti yang berasaskan pengajian teknikal kepada universiti penuh dan salah satu daripadanya adalah UTHM sendiri,” katanya.

Beliau memberitahu, buat julung kalinya, UTHM akan mengadakan dua majlis konvokesyen tahun ini dengan

satu lagi dijadualkan pada Oktober ini.

“Peningkatan bilangan pelajar, kapasiti dewan yang terhad dan tarikh bulan puasa menyebabkan konvokesyen diadakan dua kali pada tahun ini.

“Sama ada konvokesyen dua kali setahun ini akan jadi ‘trend’ UTHM pada masa akan datang, itu bergantung kepada keadaan dan keperluan,” katanya.